

UNIMAS Mengekalkan Kedudukan Dalam THE Impact Rankings 2023

*Training ISO 9001:2015
Internal Auditing
dan
Training ISO 9001:2015
Understanding & Implementing*



Kota Samarahan: Unit Pengurusan Risiko, SQRC telah mengadakan dua (2) program iaitu *Training ISO 9001:2015 (Internal Auditing)* dan *Training ISO 9001:2015 (Understanding & Implementing)* pada 22 Mei – 25 Mei 2023 bertempat di UNIMAS. Program ini dijayakan bersama dengan wakil daripada *Sirim STS Sdn Bhd*, Puan Verawati Abidi yang dijemput sebagai penceramah bagi sepanjang empat (4) hari program berlangsung.



Seramai 20 orang peserta program adalah terdiri daripada staf UNIMAS yang dilantik sebagai Juruaudit Dalaman UNIMAS. Program seumpama ini diadakan secara berkala demi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam merancang dan melaksanakan sesi audit dalaman UNIMAS selain meningkatkan kefahaman peserta dalam pematuhan dan pelaksanaan *Standard ISO 9001:2015*.



TAHNIAH UNIMAS

Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) mengekalkan kedudukannya di ranking 401-600 dunia dalam penarafan terkini THE Impact Rankings 2023. Keputusan ini diumumkan oleh pihak Times Higher Education (THE) yang berpangkalan di London, United Kingdom pada 1 Jun 2023. THE Impact Rankings mengukur sejauh mana kejayaan sesebuah universiti dalam mencapai Matlamat Pembangunan Lestari, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations' Sustainable Development Goals SDGs). Kedudukan Impak 2023 ialah edisi kelima dan kedudukan keseluruhan termasuk 1,591 Universiti dari 112 negara.

UNIMAS berada di dalam kedudukan 101-200 bagi SDG5 Gender Equality; dan kedudukan ke 201-300 bagi SDG 1 No Poverty; SDG2 Zero Hunger; SDG 13 Climate Action dan SDG15 Life on Land. Manakala bagi SDG17 Partnership for the Goals yang merupakan SDG wajib, UNIMAS telah diiktiraf berada di dalam kedudukan 401-600. Dalam penarafan tahun 2023, UNIMAS telah mengemukakan kesemua data dan bahan bukti kesemua 17 SDG untuk penilaian dan pemarkahan oleh pihak THE. Kejayaan UNIMAS dalam mengekalkan kedudukan ini adalah atas kerjasama, komitmen yang tinggi dan hasil usaha padu seluruh warga universiti khususnya pihak fakulti, institute dan PTj yang terlibat dalam mengemukakan data dan bahan bukti yang diperlukan.

MESYUARAT JAWATANKUASA STRATEGI DAN KUALITI UNIMAS

BILANGAN 02/2023 KE-27

Kota Samarahan: 13 Jun 2023 berlangsung Mesyuarat Jawatankuasa Strategi dan Kualiti UNIMAS Bilangan 02/2023 Ke-27. Dengan kehadiran 40 orang ahli yang terdiri daripada Timbalan Naib Canselor, Dekan, Pengarah dan Ketua PTj, mesyuarat ini membincangkan Pelan Strategik dan KPI yang telah dipelan untuk UNIMAS bagi tahun 2021-2025.



Selain itu, mesyuarat turut mengalu-alukan kehadiran Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) yang baharu iaitu YBhg Prof Dr Ir Al-Khalid Bin Hj Othman.

KALENDER AKTIVITI 11 Mei 2023 – 30 Jun 2023

| Bil | Pekara | Tarikh |
|-----|---|---------------------------------|
| 1. | Program ISO/IEC 27001:2022 <i>Information Security Management Systems: Understanding, Implementing and Documenting</i> , UMS | 16 Mei 2023 – 18 Mei 2023 |
| 2. | Raya@Chancellory 2023 Tema “Juh Beraya di Serawak” | 19 Mei 2023 |
| 3. | <i>Training ISO 9001:2015 Internal Auditing</i> | 22 Mei 2023 – 23 Mei 2023 |
| 4. | Ramah Tamah Aidilfitri & Pra Gawai @ SQRC | 24 Mei 2023 |
| 5. | <i>Training ISO 9001:2015 Understanding & Implementing</i> | 24 Mei 2023 – 25 Mei 2023 |
| 6. | Pengumuman <i>THE Impact Ranking 2023</i> | 30 Mei 2023 |
| 7. | <i>Impact Ranking 2023 Masterclass APAC</i> | 5 Jun 2023 |
| 8. | Mesyuarat JSKU 2/2023 Ke 27 | 13 Jun 2023 |
| 9. | <i>THE Asia University Summit 2023</i> | 21 Jun 2023 – 23 Jun 2023 |
| 10. | Pengumuman <i>THE Awards Asia 2023</i> | 21 Jun 2023 |
| 11. | Pengumuman <i>THE Asia University Ranking 2023</i> | 22 Jun 2023 |
| 12. | Pengumuman <i>QS World University Ranking 2024</i> | 27 Jun 2023 |

PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN
PENGARAH | PROF DR TARMJI MASRON
TIMBALAN PENGARAH | PROF MADYA DR LEE NIUNG KION | **PENOLONG PENDAFTAR KANAN** | DAYANG MAZINA AWANG BATU | DAYANG ZULIANA ABANG ABD RAHMAN | **PENOLONG PEGAWAI TADBIR KANAN** | ADELINE ANN LUBI | **PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT KANAN** | MOHD HAIRULNIZAM MOHD ZAMRI | **PENOLONG PEGAWAI TADBIR** | SALMIAH NAHRAWI | **SETIUSAHA PEJABAT** | NUR AISHAH JORI | **PEMBANTU TADBIR KANAN** | NORISA MOHAMAD SAHARI | **PEMBANTU TADBIR** | SITI AFIZAH JAMIL | MOHD HAFIZUDDIN SULAIMAN | **PEMBANTU OPERASI** | ROZAIMI ANIS



TAHNNIAH

PENERIMA ANUGERAH KHIDMAT SETIA

- EN MOHD HAIRULNIZAM BIN MOHD ZAMRI
- PN NORISA BINTI MOHAMAD SAHARI
- EN GUSTINATA BIN BASUAN

